



KONFERENSI AKADEMIK

SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



MELONJAK UTM
DI PERSADA GLOBAL

UiTM Sentiasa

Keselesaan dan Kesejahteraan Rekabentuk Rumah Kediaman Mengikut Perspektif Islam

Ahmad Amzari Yacob^{1*}, Amminudin Abd Latif², Noor Safwan Muhamad³,
Dr. Adnan Derahan⁴, Nurul Aishah Abd Rahman⁵

¹⁻⁵Faculty of Civil Engineering, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia

amzari@pahang.uitm.edu.my, amminudin738@pahang.uitm.edu.my, safwanmuhamad@pahang.uitm.edu.my,
dradnan@pahang.uitm.edu.my, naishah.ar@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Rumah merupakan sebuah tempat kediaman manusia yang mempunyai dinding dan bumbung yang dapat menahan dari kerpanas, angin, kepanasan, kesejukan. Manusia sememangnya memerlukan rumah sebagai tempat perlindungan dan keperluan kepada rumah bermula dari awal kewujudan manusia lagi. Rumah juga berfungsi sebagai tempat ibadat, istirehat dan juga merupakan institusi pendidikan awal bagi proses pembentukan akhlak dan jati diri manusia. Pada perspektif Islam, akhlak seseorang boleh diukur berdasarkan akhnya di rumah. Oleh itu, rumah merupakan istana bagi seseorang yang mana keistimewaan rekabentuk sesebuah rumah akan menyumbang kepada kehormanian sesebuah masyarakat,bangsa dan negara. Namun pada hari ini, rekabentuk ruah tidak lagi sehebat pada zaman kegemilangan umat Islam atau zaman kemasyhuran Tamadun Melayu suatu ketika. Jika diteliti, rumah pada hari ini direka bentuk berdasarkan pengaruh barat serta negara bukan Islam, malah rekaan yang dihasilkan hanya mementingkan keselesaan pada pemikiran manusia sahaja tanpa berlandaskan garis panduan seperti yang disyariatkan oleh agama Islam. Hasilnya, rumah yang dihuni oleh seseorang yang beragama Islam tiada bezanya dengan rumah-rumah orang kafir. Sedangkan Nabi Muhammad S.A.W telah menegah kita daripada menurut gaya hidup yang tidak baik daripada orang kafir. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri rekabentuk rumah yang memenuhi syariat Islam. Kajian kepustakaan adalah kaedah yang diguna pakai dalam menyiapkan kajian ini. Jurnal dijadikan bahan rujukan utama dalam mendalami objektif kajian. Didapati terdapat banyak ciri-ciri rekabentuk rumah yang tidak memenuhi syariat Islam. Salah satunya ialah rumah perlu bilangan bilik yang mencukupi untuk ibubapa, anak-anak dan tetamu.Kedudukan tandas bersama dengan bilik air. Selain itu, tandas yang dibina menghadap kiblat. Susunatur katil disusun menghalakan kaki ke kiblat dan sebagainya. Oleh itu, rekabentuk rumah yang sempurna mengut syariat Islam dapat membantu seseorang Islam itu untuk memanfaatkan masa mereka ketika di rumah bagi meningkatkan kualiti amal kerana amal ibadat yang sempurna boleh mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran.

Kata Kunci: Rumah, Syariat Islam

1. Pendahuluan

Islam ialah sebuah agama yang mementingkan kesejahteraan umatnya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kesejahteraan bermaksud keselamatan, kesenangan hidup, kesentosaan dan ketenteraman. Maka menurut perspektif Islam, rumah yang didiami oleh manusia seharusnya memenuhi maksud tersebut. Susun atur dan reka bentuk rumah haruslah direka agar memudahkan penghuninya melaksanakan syariat dan beribadat dengan sempurna. Kebanyakan rekabentuk terkini rumah yang dihasilkan oleh arkitek-arkitek tempatan masih lagi tidak memenuhi kehendak syarak. Contohnya, kedudukan tandas disekalikan dengan bilik air. Keadaan rekabentuk seperti ini menyebabkan kemungkinan air atau najis daripada tandas terkena anggota badan ketika mengambil wuduk. Sebagai seorang Muslim juga kita disyariatkan berdoa dan mendahulukan kaki kiri untuk masuk ke tandas, jadi dengan rekabentuk yang betul, kita akan mendahulukan kaki kiri untuk masuk ke tandas sekalipun dengan tidak sengaja. Apa yang berlaku pada hari ini, tandas kadangkala dibina menghadap kiblat sedangkan ianya bertentangan dengan syariat Islam (Fadzli, 2013).

Rekabentuk rumah terdahulu membuktikan bahawa unsur fizikal binaan seperti lantai, dinding, pintu dan orientasinya serta unsur spiritual seperti tingkahlaku dan ibadat di dalam rekabentuk rumah saling memerlukan. Ianya berbeza dari rekabentuk rumah moden yang lebih mementingkan unsur fungsi dan penjimatan kos semata-mata tanpa mementingkan isu privasi, aurat, kejiranian, tandas, laluan dan keselesaan sedangkan ianya penting dalam pembentukan keperibadian Muslim (Musa et al, 2011).

Menurut Surat (2010), kebanyakan masyarakat di bandar terpaksa tinggal di rumah moden yang tidak selesa, ianya hanyalah sebuah ‘kotak’ yang pekak, bisu dan panas. Bagi mencapai kesejahteraan hidup, keseimbangan di antara fizikal binaan, alam sekitar dan spiritual yakni kehidupan manusia sebagai penghuninya haruslah dijaga. Faktor iklim, keselamatan, budaya dan agama sekiranya diambil kira bukan sahaja menghasilkan sebuah rumah yang selesa malah amat kondusif untuk didiami. Dengan menerapkan semua unsur ini di dalam binaan terkini, tidak mustahil kita boleh menghasilkan sebuah rumah yang mempunyai pengudaraan yang baik, menjimatkan tenaga, menggunakan bahan yang mesra alam, mempunyai ruang yang selesa untuk semua ahli keluarga di samping mampu menjaga privasi dan adat budaya (Surat et al, 2012).

Rekabentuk rumah moden yang cenderung kepada senibina Barat sebenarnya memberi kesukaran kepada penghuninya. Contohnya, ruang dapur kini selalunya di bina kecil malah diletakkan di bahagian hadapan rumah yang terbuka, ini menyusahkan kaum wanita untuk bergerak bebas di dalam rumah dan terpaksa mengenakan tudung sekiranya ada tetamu. Ianya jauh berbeza dengan senibina lama Melayu di mana dapur dibina luas dan diletakkan di bahagian belakang rumah. Kaum wanita bebas di dapur, ianya bukan sahaja menjadi tempat memasak malah dijadikan tempat bersosial, menjaga anak dan tempat persediaan untuk majlis kenduri (Rasdi, 2009).

Fadzli (2013) berkata, orang pada masa kini begitu bersemangat untuk mencantikkan rumah sehingga kurang peka dengan isu privasi. Pemilihan cermin dan jubin yang tidak sesuai kadangkala menyebabkan orang boleh melihat apa yang berlaku di sebelah lantas menjelaskan aurat. Rumah juga dibina rendah sehingga kita dapat melihat apa yang berlaku di dalam rumah melalui tingkap. Ini berbeza dengan rumah tradisional Melayu yang dibina berpanggung atau tinggi serta tingkap yang setara agar menghadang penglihatan terus dari luar.

2. Metodologi

Fokus utama kajian ini adalah untuk membincangkan rekabentuk rumah yang memenuhi syariat Islam. Ini dapat dicapai melalui kajian kepustakaan artikel-artikel seluruh dunia yang membincangkan tentang unsur-unsur yang perlu ada agar sebuah rumah yang mampu mensejahterakan kehidupan penghuninya.

3. Perbincangan

Rekabentuk rumah seharusnya mengambilkira keperluan ruang dan binaan bagi memenuhi keperluan corak hidup yang berteraskan kepada budaya al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Mempunyai gerbang tajam, hiasan bertulisan Arab dan kubah tidaklah bermaksud bahawa ianya rekabentuk Islam tetapi yang lebih penting ialah yang mempunyai ruang yang cukup bagi memenuhi keperluan ahli keluarga, tempat untuk melayani tetamu dan bermasyarakat serta memudahkan penghuninya untuk beribadat dan mengamalkan Sunnah.

3.1 Privasi dan Aurat Ahli Keluarga

Unsur privasi dan penjagaan aurat amat dititikberatkan di dalam Islam,ianya merangkumi pelbagai aspek seperti keperluan bilik di dalam rumah,pengasingan bilik diantara adik beradik lelaki dan perempuan, aurat lelaki dan perempuan serta banyak lagi. Islam menggalakkan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat maka kepentingan untuk menjaga

privasi dan aurat mengakibatkan perlunya perancangan ruang bagi melindungi privasi terutamanya golongan wanita. Ini boleh dilihat dari kehidupan kaum Arab sehinggakan ada ruang makan khusus untuk wanita agar tidak terlihat oleh lelaki (Jarjawi, 2006).

Bilangan bilik haruslah mencukupi untuk suami-isteri, anak-anak lelaki, anak-anak perempuan dan tetamu. Bilangan bilik bagi rumah kediaman juga ditikberatkan dalam Islam. Islam telah menggariskan bahawa sekurang-kurangnya rumah mestilah mempunyai tiga bilik iaitu untuk ibu dan bapa, anak lelaki dan anak perempuan. Ini bagi mengelakkan bercampurnya cara hidup dan privasi diantara anak lelaki dan perempuan serta mengasingkan bilik bagi ibu bapa daripada bilik anak-anak lebih-lebih lagi apabila anak-anak telah meningkat umurnya. Namun,pada hari ini banyak rumah yang di bina tanpa mengambil kira keperluan dalam keluarga Islam. Rumah kediaman hanya mempunyai dua bilik tidur sahaja,terutamanya rumah-rumah kos rendah yang mana pihak pemaju lebih mementingkan keuntungan daripada kesempurnaan binaan rumah itu sendiri. Sabda Rasulullah S.A.W. melalui Abu Hurairah R.A. daripada Hadith Riwayat Muslim:

Maksudnya:

“Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari kiamat, maka janganlah dia menyakiti tetangganya. Dan barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari kiamat, hendaklah dia memuliakan tetamunya. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, hendaklah dia berkata yang baik atau diam.”

(Riwayat Muslim)

Jelas terbukti dari hadith ini bahawa Islam menuntut umatnya melayani tetamu dengan baik. Apabila melayani tetamu yang berlainan jantina, haruslah diasingkan bilik tidur dan tempat persalinan pakaian sebagai tanda memuliakan mereka.

3.2 Keperluan Tempat Ibadat dan Orientas Arah Kiblat

Selain dari itu, rumah boleh dianggap sebagai masjid bagi kaum wanita kereta mereka lebih digalakkan untuk solat di rumah, malah daripada beberapa hadith, jelas terbukti bahawa Nabi Muhammad S.A.W. selalu bersolat sunat di rumah. Maka adalah penting sekiranya rumah dapat dibina berorientasikan arah kiblat. Dan hendaklah diingat bahawa tandas tidak boleh dibina menghadap kiblat kerana kita dilarang untuk menghadap mahupun membelaangi kiblat semasa membuang air besar atau kecil. Kebersihan keluar masuk tandas hendaklah dijaga kerana ruang khusus seperti menyediakan bilik khas di rumah untuk kegunaan solat bukanlah wajib namun mana-mana tempat yang hendak digunakan sebagai tempat bersolat seperti di bilik tidur dan ruang tamu mestilah tempat yang bersih dan bebas daripada najis.

Susun atur katil juga perlu di ambil perhatian yang mana kedudukannya mestilah tidak menyebabkan kaki menghadap kiblat ketika tidur. Ini bertepatan dengan sunnah yang diajarkan oleh Rasullullah S.a.w kepada ummat Islam. Kewajipan umat Islam menghadap kiblat adalah bertujuan untuk solat, sedangkan ibadat-ibadat lain adalah sunat menghadap kiblat, contohnya tidur mengiring mengadap kiblat dan bukannya kaki yang mnghala kearah kiblat. Sekiranya kaki diarahkan kearah kiblat,ini menunjukkan satu penghinaan dan bertentangan dengan sunnah Rasullulah S.a.w kerana arah kiblat sebenarnya merujuk kepada arah Masjidil Haram iaitu tempat terletakknya Kaabah dan Tanah Suci umat Islam di Makkah Al -Mukarramah.

3.3 Keperluan Keselesaan dan Kesejahteraan Berlandaskan Syariat Islam

Selain dari unsur berkonsepkan ibadah, Islam mengharapkan kesejahteraan umatnya, maka rumah haruslah dibina sambil mengambil kira faktor iklim dan pengudaraan. Umum sedia

maklum bahawa sebagai negara yang beriklim hutan hujan tropika, Malaysia mengalami suhu yang panas dan lembap sepanjang tahun dengan purata hujan tahunan kira-kira 3 meter. Maka rekabentuk rumah di Malaysia hendaklah mengambilkira faktor cuaca tempatan. Contohnya binaan bumbung rumah tidak seharusnya dibina secara leper atau bumbung rata (*flat roof*) kerana ia menggalakkan air hujan bertakung dan menyebabkan ketirisan dan pertumbuhan kulat. Kadar kelembapan udara yang sediada tinggi menggalakkan lagi pertumbuhan kulat di dalam dan di luar rumah sehingga boleh menjelaskan kualiti udara dan mengakibatkan masalah kesihatan yang melibatkan paru-paru (JKR, 2009).

Kita juga sedia maklum bahawa disebabkan oleh faktor cuaca dan kembangan udara yang tinggi, kita mudah berasa tidak selesa dan melekit. Maka adalah penting untuk sebuah rumah mempunyai sistem pengudaraan dan pencahayaan yang baik bagi mempercepatkan proses sejatan pada kulit agar rasa tidak selesa itu dapat dikurangkan. Sebaliknya pada hari ini, rumah dibina tanpa pengudaraan dan pencahayaan yang baik sehingga kita terpaksa menggunakan pencahayaan dari lampu dan penghawa dingin untuk berasa nyaman. Ini sebenarnya tidak digalakkan dalam Islam kerana ia melibatkan unsur pembaziran kerana terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi semata-mata untuk mendapatkan keselesaan yang tidak alami. Penggunaan tenaga elektrik yang tinggi ini juga seterusnya menyumbang kepada peningkatan pembebasan '*carbon foot print*' sehingga boleh mengakibatkan kemasuhan alam semulajadi contohnya menyebabkan penipisan ozon, kenaikan suhu bumi yang boleh dikaitkan dengan kesan rumah hijau serta pencemaran udara dan air (Surat et al., 2012).

3.4 Pengaruh Idea-Idea Bukan Islam dalam Rekaan Rumah Kediaman

KONSEP pembinaan rumah kediaman pada hari ini banyak dipengaruhi oleh idea-idea barat dan juga negara-negara bukan islam yang mana mementingkan keselesaan dan kesempurnaan tanpa mengambilkira keselesaan dan kesejahteraan yang sebenar mengikut islam. Di antara faktor yang mendorong berlakunya situasi seperti yang dibincangkan seperti di atas adalah disebabkan oleh masyarakat islam itu sendiri yang mana kurangnya ilmu pengetahuan tentang agama islam. Mereka hanya melihat islam itu adalah beribadat seperti solat sahaja, sedangkan islam merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia di dunia ini.

Elemen-elemen seperti iklim, bahan binaan, budaya atau agama, keselamatan, keselesaan dan kaedah binaan adalah merupakan faktor-faktor yang perlu dilihat dalam memastikan keperluan rekabentuk rumah kediaman yang mempunyai tahap kesejahteraan dan keselesaan di dalam islam (Surat et al., 2012).

4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kebanyakan rekabentuk rumah kediaman yang dibuat oleh pihak pemaju perumahan masih lagi tidak mementingkan konsep keselesaan dan kesejahteraan menurut islam. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan tentang islam dan juga para pemaju terdiri daripada kalangan bukan islam. Walaubagaimanapun, kesedaran individu islam betapa pentingnya berkaitan permasalahan ini masih lagi kurang dan memandang enteng terhadap konsep rekabentuk rumah berlandaskan islam. Dalam memastikan rekabentuk rumah kediaman memenuhi ciri-ciri keselesaan dan kesejahteraan di dalam islam, maka pihak berwajib di Malaysia perlu mengkaji satu peraturan yang khusus di dalam bidang pembinaan perumahan kepada pemaju-pemaju perumahan supaya keperluan di dalam keluarga islam tidak dipinggirkan serta diambil mudah. Konsep rekabentuk warisan kediaman orang Melayu sebenarnya banyak menerapkan elemen-elemen keislaman dan bersesuaian dengan keperluan keluarga islam, namun ianya makin terhakis ekoran kepesatan pembinaan perumahan moden yang berlandaskan idea-idea barat dan sebagainya. Para arkitek islam juga seoalah-olah hilang pedoman dalam mereka bentuk kediaman pada hari ni.

Oleh yang demikian dengan adanya tulisan ini, sedikit sebanyak dapat mencetus pemindahan ilmu kepada semua pembaca. Adalah diharapkan cetusan minda ini dapat

mengangkat semula martabat orang melayu islam khususnya dan masyarakat islam amnya di dalam menghasilkan rekabentuk rumah kediaman yang selesa dan sejahtera berlandaskan syariat islam. Ingatlah bahwasanya, pendidikan awal akhlak dan sahsiah masyarakat adalah bermulanya dirumah atau kediaman mereka.

5. Rujukan

- Surat, M. S., Baharum, M. A., Usman, I. M. S., Musa, A. R., & Tawil, N. M. (2012). Mengenalpasti Tahap Kesejahteraan Seni Bina Warisan Melayu Melalui Konsep Islam. *Journal Design + Built*, Volume 5 (1), 1-11.
- Musa, M. S., Talib, A., & Mohamad, M. D. (2011). Prinsip Islam Di Dalam Kediaman Muslim, Paper presented at *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo IV (KAIB 2011)*, Indonesia , 26-27 Oktober.
- Surat, M. S. (2010). Menegakkan Warisan Seni Bina Bangsa, *Anjung Seri April*, 117-119.
- Fadzli, A. (2013). Seni Bina Tuntutan Islam. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/rencana/seksi-bina-tuntutan-islam-1.146355>. Accessed 2 November 2016.
- Rasdi, M. T. M. (2009). The architectural Heritage of The Malay World, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Jarjawi, A. A. (2006). Indahnya Syariat Islam, Gema Insani, Jakarta.
- Jabatan Kerja Raya. (2009). Garis Panduan bagi Mencegah Pembentukan Kulat di Dalam Bangunan. <http://www.google.com.my/#hl=en&tbo=d&sclient=psy->. Accessed 3 November 2016.